



BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

EDISI TERHAD / PERCUMA

BULANAN : EDISI JANUARI 2025

PENAUNG:
Tuan Khairin Nazry bin Karim

PENASIHAT:
Encik Jacob Raju a/l Jayadurai

KETUA EDITOR:
Encik Abdul Rashid bin Omar

REKAAN & GRAFIK:
Encik Wan Mohd Firdausz
bin Wan Mohd Zahari

SIDANG EDITORIAL:
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP RND
PRO INSTUN

Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin Bulan Januari 2025 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Januari. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelaras Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Encik Abdul Rashid bin Omar
Ketua Seksyen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



PROGRAM GALAKAN MEMBACA CUTI SEKOLAH @ PERPUSTAKAAN INSTUN (FUN@LIBRARY)

AKTIVITI : Program Galakan Membaca Cuti Sekolah @ Perpustakaan INSTUN (Fun@Library)

TARIKH : 20-21 Januari 2025

TEMPAT : Perpustakaan INSTUN

PENGLIBATAN : Anak-anak staf INSTUN

RINGKASAN PROGRAM:

Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan telah melaksanakan Program Galakan Membaca Cuti Sekolah @ Perpustakaan INSTUN (Fun@Library) pada 20-21 Januari 2025. Penyertaan adalah dari kalangan anak-anak staf INSTUN dan telah mendapat sambutan yang sangat meriah. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah *Book Doodles* dan *Play @ Library*. Semoga dengan pengajuran aktiviti seperti ini akan menarik minat kanak-kanak ke perpustakaan dan memaksimalkan sepenuhnya perkhidmatan perpustakaan.



BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI JANUARI 2025



KURSUS DALAM TALIAN: JENIS-JENIS NOTIS PEJABAT TANAH (TKE01/25)

TARIKH	:	6 JANUARI 2025
TEMPAT	:	Dalam Talian Google Meet
RINGKASAN PROGRAM	:	Kursus ini telah dihadiri seramai 80 orang pegawai dari PTG, Pejabat Tanah dan Daerah serta pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia.

Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman proses penghantaran dan penerimaan notis-notis pejabat tanah. Penceramah INSTUN En Zahar bin Sapar.

The screenshot shows a Google Meet interface with multiple participants. A slide titled "S.263: Perintah jualan; dan perkara-perkara yang hendak diuruskan mengenainya" is displayed. The slide contains two bullet points:

- PT terima permohonan perintah jualan melalui Borang 16G:
 - Silakan
 - Beritahu **Pemegang gadai** tentang masa dan tempat silasatan, dan menyebabkan **satu saman kepada penggadai** menghendaki hadir silasatan
 - Tiada boleh KTN (rujuk PKPTG 30/2009)
- Perintah Lelong didalam Borang 16H:
 - satu salinan (16H) kepada **penggadai**, dan
 - tiap-tiap **pemegang gadai**, dan
 - Memberi **notis awam** dengan apa-apa cara seperti yang PT anggap wajar.

KURSUS DALAM TALIAN : PELUPUSAN TANAH DI BAWAH KTN

TARIKH	:	07 – 09 Januari 2025
TEMPAT	:	Dalam Talian
PENCERAMAH	:	En Abnorhady bin Abu Bakar, En Zahar bin Sapar,Sr Ahmad bin Omar, En Huzaifah bin Amnan

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 77 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Kuasa Pelupusan pada Pihak Berkuasa Negeri
- Pemberimilikan
- Lesen Pendudukan Sementara
- Permit Bahan Batuan (4C), Permit Bahan Batuan Dan LPS Disatukan(4B) Dan Permit Ruang Udara (4D)
- Perizaban Dan Pajakan Tanah Rizab
- Lanjut Tempoh Pajakan
- Laporan Tanah
- Surihan, Permintaan Ukur

The screenshot shows a Google Meet interface with multiple participants. A slide titled "10.1 PDRM mengeluarkan perintah pelupusan tanah" is displayed. The slide contains several numbered points:

- 10.1 PDRM mengeluarkan perintah pelupusan tanah berdasarkan suruhanjaya yang diberikan oleh Menteri Wilayah.
- 10.2 Menteri mengeluarkan perintah pelupusan tanah berdasarkan suruhanjaya yang diberikan oleh Menteri Wilayah.
- 10.3 PDRM mengeluarkan perintah pelupusan tanah berdasarkan suruhanjaya yang diberikan oleh Menteri Wilayah.
- 10.4 Menteri mengeluarkan suruhanjaya pelupusan tanah berdasarkan perintah pelupusan tanah yang diberikan oleh PDRM.
- 10.5 Menteri mengeluarkan suruhanjaya pelupusan tanah berdasarkan perintah pelupusan tanah yang diberikan oleh PDRM.




KURSUS DALAM TALIAN: PEMBANGUNAN TANAH DI BAWAH KTN (TLE02/25)

TARIKH : 14 JANUARI - 16 JANUARI 2025

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 76 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia.

Objektif kursus memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan pembangunan tanah. Penceramah INSTUN En Abnorhady bin Abu Bakar dan En Zahar bin Sapar, dan penceramah jemputan En Zamirzan bin Puji dari PLANMalaysia.



KURSUS DALAM TALIAN: HAKMILIK HAMPIR TAMAT TEMPOH? BERTINDAK SEKARANG (TKE02/25)

TARIKH : 23 JANUARI 2025

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 76 orang pegawai dari PTG, Pejabat Tanah dan Daerah serta pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia.

Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan aspek Pelupusan Tanah khususnya pemegangan tanah. Penceramah INSTUN En Rosdi bin Mohd Yaacob.



BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI JANUARI 2025



KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH - MODUL IV: BILANGAN 1 (MODUL PERUNDANGAN TANAH SELAIN KANUN TANAH NEGARA)

TARIKH : 20 Januari – 23 Januari 2025

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik (PKG)

PENCERAMAH :
·Encik Jaiya Bin Abu
·Encik Anesh A/L Ganason
·Encik Farhan Bin Hassan

RINGKASAN PROGRAM

Kursus ini telah dihadiri seramai 19 orang terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik / Pegawai Tadbir Negeri & Persekutuan. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan perundangan lain yang bersangkutan dengan Pentadbiran Tanah.

Kandungan Kursus:

- Tanah di bawah Perlembagaan Persekutuan
- Akta Pengambilan Tanah 1960 (Proses, Pra dan Pasca Pengambilan serta Prinsip Penilaian)
- Akta Hakmilik Strata 1985
- Akta Pengurusan Strata 2013
- Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957
- Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok) 1960





PROGRAM PERKONGSIAN ILMU DAN PENGALAMAN BERKAITAN KERJA UKUR LAPANGAN TERRESTRIAL LASER SCANNER DAN PEMETAAN UTILITI BAWAH TANAH

TARIKH : 8 Januari 2025 bersamaan 8 Rejab 1446 H

TEMPAT : Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

TUJUAN : Bagi memberi pendedahan kepada pelajar tahun pertama UiTM Seri Iskandar berkaitan kerja ukur lapangan *Terrestrial Laser Scanner (TLS)* dan kerja ukur Pemetaan Utiliti Bawah Tanah.

PENGLIBATAN : Kakitangan Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN, lima (5) orang Pensyarah dan tujuh puluh enam (76) Pelajar Diploma Teknologi Geospatial UiTM Seri Iskandar, Perak.

Program ini dimulakan dengan sesi perkongsian ilmu serta perkongsian pengalaman oleh Sr Fazili Anuar bin Md Yusuf berkaitan kerja ukur menggunakan *Terrestrial Laser Scanner (TLS)* selama satu jam pertama. Seterusnya, sesi diteruskan dengan perkongsian oleh Sr Abdul Fatah bin Ibrahim, yang membincangkan mengenai kerja ukur Pemetaan Utiliti Bawah Tanah.

Selain itu, pensyarah dan para pelajar turut berpeluang mendengar penerangan daripada Sr Zakaria bin Abdullah mengenai bidang astronomi serta aktiviti cerapan yang telah dijalankan di Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), khususnya berkaitan cerapan bintang di angkasa. Mereka juga berkesempatan mengunjungi TSHO, sekali gus merasai pengalaman sebenar dan menambah ilmu pengetahuan dalam bidang astronomi.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada pensyarah serta pelajar UiTM Seri Iskandar atas lawatan ini. Semoga para peserta memperoleh manfaat serta pengetahuan yang mendalam dalam bidang ukur dan pemetaan.



BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI JANUARI 2025



PROGRAM PERKONGSIAN ILMU UKUR DAN PEMETAAN BERSAMA *JUNIOR ORGANIZATION FOR GEOMATICS AND GEOINFORMATICS STUDENT* **(JOGGS) 2025**

TARIKH : 14 Januari 2025 bersamaan 14 Rejab 1446

TEMPAT : Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Arau

TUJUAN : Program ini dilaksanakan adalah bagi memupuk minat para pelajar dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan. Selain itu juga program ini dapat memberikan banyak manfaat kepada orang awam untuk lebih mengenali peranan agensi dan jabatan dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan.

PENGLIBATAN : Kakitangan Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN, Tiga (3) orang Pensyarah dan lima puluh satu (51) orang pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana muda Geomatik dan Geoinformatik UiTM Cawangan Arau, Perlis.

Program ini berlangsung selama satu (1) hari dan yang merangkumi tiga (3) slot utama, iaitu Sesi Perkongsian Kerjaya Juruukur Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang disampaikan oleh YBrs. LSr Mohd Khairani bin Md Yusop, Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Perlis, Sesi Perkongsian Kerjaya Juruukur Tanah Berlesen oleh LSr Che Sulaiman bin Mat Yunus dari Juruukur Al-Fateh serta Aktiviti Berkumpulan (Explorarace).

Melalui aktiviti berkumpulan ini, pelajar dari *Junior Organization For Geomatics And Geoinformatics Student (JOGGS)* diberi pendedahan mengenai penyelesaian isu pencarian lokasi lot tanah menggunakan peralatan ukur mudah dan praktikal, iaitu alat handheld GPS. Program sebegini memberikan peluang kepada peserta untuk lebih memahami serta mendapatkan idea dalam menangani masalah berkaitan pencarian lokasi dengan menggunakan nilai koordinat.

Bagi pegawai dan kakitangan BUP, program ini turut menyediakan ruang untuk mempraktikkan pelbagai kaedah dan teknik dalam menyampaikan ilmu berkaitan bidang ukur dan pemetaan. Hal ini secara langsung dapat meningkatkan mutu pengajaran yang akan diterapkan di dalam kelas di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Kami, warga Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah dan pelajar UiTM Seri Iskandar atas lawatan yang telah diadakan. Diharapkan program ini memberikan manfaat yang besar serta pengetahuan berguna berkaitan bidang ukur dan pemetaan.



BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI JANUARI 2025

MESYUARAT BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN BIL.1/2025 SERTA MESYUARAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN BIL.1/2025

TARIKH : 15 Januari 2025 bersamaan 15 Rejab 1446 H

TEMPAT : Bilik Melati, Institut Aminuddin Bakri, Jitra Kedah

TUJUAN : Bagi memastikan segala pentadbiran dan pengurusan di peringkat bahagian Ukur dan Pemetaan untuk tahun 2025 dapat dirancang.

PENGLIBATAN : Mesyuarat Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) melibatkan semua kakitangan di BUP. Manakala Mesyuarat Pengurusan dan Kewangan Bahagian Ukur dan Pemetaan hanya melibatkan kakitangan pengurusan dan profesional sahaja.

Mesyuarat Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) melibatkan semua pegawai dan kakitangan di BUP manakala Mesyuarat Pengurusan dan Kewangan Bahagian Ukur dan Pemetaan hanya dihadiri oleh kakitangan pengurusan dan profesional sahaja.

Kedua-dua mesyuarat ini dipengerusikan oleh Sr Mohd Zaidi bin Zakaria, selaku Ketua Program Ukur dan Pemetaan, yang kini menanggung tugas sebagai Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan mulai November 2024. Mesyuarat yang diadakan pada sebelah petang ini membincangkan pelbagai perkara berbangkit, antaranya pencapaian SKU Tahun 2024 serta perancangan program BUP bagi tahun 2025. Selain itu, Tuan Pengurus turut berkongsi maklumat penting yang telah disampaikan oleh Tuan Pengarah INSTUN dalam Perutusan Mesyuarat Pengurusan INSTUN (MPI) Bil. 1 Tahun 2025, yang berlangsung pada 15 Januari 2025. Perkara tersebut perlu diberi perhatian oleh semua pegawai dan kakitangan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan serta memperbaiki kesilapan yang lepas.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan dan pembahagian tugas bagi penyediaan dokumen sokongan untuk penubuhan *Remote Pilot Training Organization* (RPTO) di INSTUN. Di samping itu, persiapan awal bagi perancangan projek Rolling Plan RP1 Tahun 2026 di bawah BUP untuk Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) turut diperhalusi, khususnya yang melibatkan projek pembangunan baharu dan projek sambungan. Perkara ini memerlukan permohonan anggaran kos awalan (AKA) projek daripada Jabatan Kerja Raya (JKR). Tuan Pengurus mengingatkan supaya semua perolehan dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan serta pengurusan projek yang cekap.

Diharapkan mesyuarat ini dapat meningkatkan kesiapsiagaan kakitangan BUP dalam melaksanakan tugas dengan lebih efisien dan berkesan sepanjang tahun 2025.



BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI JANUARI 2025



SESI “KOPI O TEH TARIK” PENGARAH INSTUN BERSAMA WARGA KERJA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN TAHUN 2025

TARIKH : 20 Januari 2025 bersamaan 20 Rejab 1446 H

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

TUJUAN : Sebagai pertemuan rasmi pada awal tahun 2025 yang merupakan perjumpaan pegawai dan kakitangan BUP bersama Pengarah INSTUN bagi memperkuuh hubungan, mempertingkatkan komunikasi, melihat prestasi pencapaian program ukur tahun 2024 serta menyelaraskan hala tuju organisasi bagi tahun 2025.

PENGLIBATAN :Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dan warga Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)


Sesi pertemuan ini merupakan agenda tahunan yang diadakan pada awal tahun oleh Tuan Pengarah INSTUN bersama semua bahagian di INSTUN. Dalam sesi ini, Tuan Pengarah menyampaikan amanat serta pesanan kepada seluruh warga Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) berhubung peranan dan tanggungjawab sebagai penjawat awam.

Selain itu, BUP turut membentangkan laporan prestasi pencapaian program ukur sepanjang tahun 2024 serta perancangan bagi tahun 2025 kepada Tuan Pengarah sebagai pemakluman mengenai program dan aktiviti yang telah serta akan dilaksanakan. Tuan Pengarah turut merakamkan penghargaan atas kejayaan BUP dalam menganjurkan Simposium Dron Kebangsaan (NaDS) Tahun 2024 serta berharap agar Seminar Falak Nusantara (SARAS) 2025 dapat mencapai kejayaan lebih baik.

Pada penghujung sesi, kakitangan BUP diberikan ruang untuk mengemukakan isu dan cabaran yang dihadapi bagi mendapatkan pandangan serta cadangan daripada Tuan Pengarah dalam mencari penyelesaian terbaik.

Setingga-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada YBrs. Tuan Pengarah INSTUN atas kesudian meluangkan masa bersama kakitangan BUP, selain mendengar pandangan dan aspirasi warga kerja bahagian ini. Semoga seluruh warga BUP terus bersemangat dalam menempuh cabaran serta mencapai kecemerlangan pada tahun 2025.






PROGRAM TAYANGAN FILEM PUSPANITA INSTUN

20 Januari - Program tayangan filem anjuran PUSPANITA INSTUN telah diadakan sempena cuti sekolah bagi anak-anak staf. Aktiviti ini bertujuan menyediakan hiburan sihat, mengeratkan hubungan kekeluargaan dan memberi ruang untuk anak-anak berinteraksi dalam suasana positif.

Program ini berjaya mencapai objektif yang disasarkan:


- Menyediakan hiburan berfaedah melalui tayangan filem sesuai umur, memberikan pengalaman yang menyeronokkan.
- Menggalakkan ikatan kekeluargaan dengan suasana santai yang mengeratkan hubungan antara keluarga staf.
- Memberi pendidikan melalui filem yang menyampaikan nilai positif seperti kerjasama dan kepentingan pendidikan.
- Meningkatkan perkembangan sosial anak-anak melalui interaksi bersama rakan sebaya.
- Mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti berfaedah, menjauhkan dari perkara tidak produktif.
- Menunjukkan komitmen INSTUN terhadap kebijakan dan kesejahteraan staf serta keluarga mereka.

Program ini telah disertai seramai 91 orang anak-anak staf dan suri. Dengan anjuran buat julungkali ini menjadikan suasana cukup meriah dan objektif tercapai dengan jayanya.



Tahukah Anda

Dimanakah INSTUN dan Cara Memohon Kursus Online



PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

Pengarah

Institut Tanah dan Urusan Negara
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Behrang Ulu, 35950 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837

Laman Web : www.instun.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan :

Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :

Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

1 Pendaftaran Akaun Baru

- Tap url espek.instun.gov.my.
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat – untuk melihat maklumat terperinci kursus.
 - Mohon – untuk memohon kursus.
 - Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".
Klik butang cari.

7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna berserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengganti.
 - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Batal Permohonan – untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut:
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengganti.
 - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk lihat borang permohonan
 - Rekod kehadiran – untuk melihat rekod kehadiran kursus
 - Lihat Jawapan Ujian – untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

12 Pengumuman / Berita

- Individu – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.